

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Gelombang lebih besar boleh berlaku

Penyebaran varian Omicron dalam komuniti perlu dikawal elak kes melonjak

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara mungkin berdepan gelombang baharu COVID-19 sekiranya jangkitan varian Omicron merebak secara meluas dalam komuniti, dengan jangkaan impaknya lebih besar berbanding varian Delta.

Pakar Mikrobiologi Perubatan dan Ketua Unit Kawalan Infeksi, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr Sharifah Azura Salleh, berkata walaupun laporan luar negara menyatakan tahap keparahan bagi jangkitan Omicron ringan dan sederhana teruk, ia masih boleh melumpuhkan sistem kesihatan negara jika kes melonjak secara drastik.

"Jika varian Omicron merebak dalam komuniti, kes akan naik dengan cepat."

"Sekarang kes harian COVID-19 dalam negara secara purata ialah 2,000 ke 4,000 kes, kita tidak mahu ia naik sehingga berbelas ribu seperti gelombang varian Delta."

"Jika ia merebak dalam komuniti walaupun tahap sederhana teruk, golongan berisiko seperti warga emas tetap berkemungkinan dimasukkan ke hospital."

"Andainya sehari cecah 10,000, cukup lima peratus memerlukan

rawatan di hospital, implikasinya besar kepada sistem kesihatan negara," katanya kepada BH, semalam.

Dr Sharifah Azura tidak menolak kemungkinan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya terpaksa dikuatkuasakan semula jika penularan dalam komuniti berada di tahap serius.

Setakat ini, katanya, belum banyak kes Omicron dalam komuniti dengan kebanyakan membatik individu pulang dari luar negara termasuk jemaah umrah.

Sementara itu, Profesor Epidemiologi dan Biostatistik, Kuliyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof Dr. Jamalludin Ab Rahman, mempunyai pandangan selari dengan kemungkinan negara terkena tempas Omicron.

"Sukar untuk sesebuah negara bebas daripada Omicron kerana kita tidak mampu menutup sempadan negara sepenuhnya."

"Keupayaan mendapat gelombang ini dipengaruhi keupayaan menguji kes dalam komuniti. Walaupun Omicron dilaporkan oleh Afrika Selatan, bukan bermakna ia berasal dari sana."

"Mungkin ia sudah lama tersebar di seluruh dunia dan berada dalam komuniti."

"Lebih sukar untuk mengesan kes positif terutama Omicron kerana ia tiada gejala, selain negara kurang berkemampuan menjalankan penjujukan genom meluas berbanding negara maju lain," katanya.

Bellau berkata, pelaksanaan PKP bukan penyelesaian terbaik mengawal penularan Omicron, sebaliknya kerjasama rakyat mempraktikkan langkah pencegahan kesihatan awam menjadi kunci utama.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Perubatan Kemasayarakatan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM), Prof Dr Noran Nagiah Hairi, berkata langkah menag-

guhkan ibadat umrah, menguatkuasakan semula perintah isolasi di pusat kuarantin dan menyekat pengembara dari negara tertentu, adalah antara langkah kesiapsiagaan bagi mengelak risiko kemunculan gelombang baharu lebih membahayakan.

"Apa yang kerajaan buat sekarang ialah mengelak penyebaran Omicron dalam komu-



Dr Sharifah Azura Salleh

niti. "Ia dapat dilihat melalui perlindungan bagi setiap individu dengan pengambilan dos penggalak dan mengumpul data jangkitan Omicron," katanya.

Walaupun Omicron dikesan dalam tempoh lebih sebulan, masih awal untuk membuat kesimpulan ia tidak mendatangkan implikasi besar pada masa akan datang.

"Tahap keparahan sederhana itu hanya berpandukan jangkitan respiratori, namun banyak perkara yang tak diketahui contohnya impaknya dalam isu 'long covid' dan kesan kepada kualiti kehidupan bekas pesakit," katanya.

Jangkitan varian Delta di Kelantan membimbangkan

Kota Bharu: Jangkitan kes varian Delta di Kelantan kini membimbangkan apabila 60 kes direkodkan dalam masa sembilan hari sejak 26 Disember lalu sehingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kes berkenaan dikesan menerusi kajian berterusan makmal Kementerian Kesihatan (KKM).

Katanya, jumlah keseluruhan kes varian Delta dicatatkan di negeri ini sebanyak 170 kes.

"Penularan varian Delta yang tinggi dalam masa sembilan hari amat membimbangkan memandangkan varian berkenaan berbahaya dan cepat merebak."

"Varian ini sudah lama berada dalam komuniti kita dan jangkitannya terlalu cepat jika in-

dividu yang positif tidak mengambil langkah kuarantin diri," katanya, semalam.

Dr Zaini berkata, kes jangkitan varian Beta yang dikesan di negeri ini sehingga semalam adalah sebanyak 27 kes.

Katanya, keseluruhan jangkitan kes varian Delta serta Beta adalah sebanyak 197 kes dan setakat ini tiada kes membabitkan varian Omicron.

"Namun, semua penduduk diminta terus berhati-hati dan menjaga prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelakkan varian baharu ini masuk ke negeri ini."

"Masyarakat juga dinasihatkan menjaga diri dan tidak terlalu selesa walaupun negeri ini sudah masuk ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN) hari ini," katanya.

Kes positif harian kekal bawah 3,000

Putrajaya: Kes positif harian COVID-19 negara kekal bawah paras 3,000 apabila 2,690 kes dilaporkan, setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata bilangan itu menyumbang kepada sejumlah 2,767,044 kes positif COVID-19 yang dilaporkan di Malaysia setakat ini.

Dalam perkembangan berkaitan, 19 kematian akibat COVID-19 direkodkan pada hari kedua tahun ini kelmarin, dengan lima daripadanya dilaporkan di Selangor.

Laman sesawang COVIDNOW

melaporkan empat daripada kes kematian dilaporkan setakat tengah malam kelmarin, membabitkan kematian di luar kemudahan kesihatan (BID).

Selangor terus mencatatkan jumlah kematian tertinggi dengan lima kes, diikuti empat kes di Terengganu, Johor (tiga), Sabah (dua) dan masing-masing satu kes di Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.


Tujuh negeri lain mencatatkan sifar kes kematian iaitu Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Kes aktif 40,606 pesakit, iaitu

33,393 individu atau 82.2 peratus menjalani kuarantin di rumah; 3,460 kes menjalani rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan 3,469 lagi dirawat di hospital.

Sementara itu, 93,017 dos vaksin diberikan kelmarin, iaitu 91,436 dos penggalak; 737 dos pertama dan 844 individu melengkapkan dua dos pelalian semalam.

Ketika ini, 97.7 peratus penduduk dewasa di negara ini melengkapkan pelain, manakala bagi remaja, 87.6 peratus daripada mereka melengkapkan vaksinasi.



Petugas perubatan memberikan suntikan dos penggalak vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, semalam. (Foto Daniel Saad/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 19 kematian akibat Covid-19 direkodkan pada hari kedua 2022 kelmarin dengan lima daripadanya dilaporkan berlaku di Selangor. Laman sesawang Covid-19 now melaporkan empat da-

5 kematian di Selangor

Negeri catat angka tertinggi daripada 19 korban akibat Covid-19 direkod kelmarin

ri pada kes kematian yang dilaporkan setakat tengah malam kelmarin, membabitkan kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Kes kematian kelmarin menyumbang kepada 31,532 kes kematian akibat Covid-19 di negara ini, dengan 6,362 pesakit bagi kes BID.

Perincian data dalam la-

man sesawang GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula menunjukkan, selain di Selangor, kes kematian dilaporkan di Terengganu membabitkan empat mangsa; Johor (tiga); Sabah (dua) dan masing-masing satu kematian di Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

Ketika ini, bilangan kes aktif 40,606 pesakit iaitu

33,393 individu atau 82.2 peratus menjalani kuarantin di rumah, 3,460 kes kini menjalani rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan 3,469 lagi dirawat di hospital.

Sementara itu, 93,017 dos vaksin diberi kelmarin, iaitu 91,436 dos penggalak, 737 dos pertama dan seramai 844 individu melengkapkan dua dos pelalalan.

2,756,810 remaja lengkap divaksin

Kuala Lumpur: Seramai 2,756,810 individu atau 87.6 peratus daripada populasi remaja berusia antara 12 hingga 17 di negara ini lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat jam 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui laman Covidnow, 2,848,312 individu atau 90.5 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa pula, 22,860,910 atau 97.7 peratus melengkapkan dos vaksin manakala 23,152,917 individu atau 98.9 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.


Sementara itu, statistik harian menunjukkan seju-

mlah 94,040 dos vaksin diberi kelmarin melibatkan 1,264 dos pertama, 1,340 dos lengkap dan 91,436 dos penggalak.

Perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 57,841,435 dos dengan 6,422,084 daripadanya adalah dos penggalak.

Sementara itu, menurut portal GitHub KKM, 19 kes kematian direkod kelmarin.

Selangor mencatat angka kematian tertinggi lima kes, diikuti Terengganu (empat), Johor (tiga), Sabah (dua) dan masing-masing satu kes di Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan.



60 kes varian Delta di Kelantan

Kota Bharu: Jangkitan kes varian Delta di Kelantan membimbangkan apabila 60 kes direkodkan dalam masa sembilan hari bermula 26 Disember 2021 hingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kes berkenaan dikesan hasil daripada kajian berterusan dijalankan makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beliau berkata, jumlah keseluruhan kes varian Delta yang dicatatkan Kelantan setakat ini 170 kes.

"Penularan varian Delta yang tinggi dalam masa sembilan hari amat merisaukan memandangkan varian itu berbahaya dan cepat merebak."

"Varian ini sudah lama ada dalam komuniti kita dan jangkitannya terlalu cepat jika individu positif tidak mengambil langkah untuk kuarantin diri," katanya.

Dr Zaini berkata, kes jangkitan varian Beta dikesan di negeri ini sehingga adalah 27 kes sehingga kelmarin.

Beliau berkata, keseluruhan jangkitan kes varian Delta dan Beta 197 kes dan



Penularan varian Delta yang tinggi dalam masa sembilan hari amat merisaukan memandangkan varian itu berbahaya dan cepat merebak"

setakat ini tiada kes membabitkan varian Omicron dilaporkan.

"Namun semua penduduk diminta terus berhati-hati dan menjaga prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelakkan varian baharu ini masuk ke negeri ini," katanya.



ORANG ramai beratur panjang ketika menunggu giliran bagi mendapatkan suntikan vaksin penggalak Covid-19 sempena cuti tahun baru di Paradigm Mall, Petaling Jaya, semalam. - Gambar NSTP/OWEE AH CHUN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

'Sedia kuarantin percuma kepada jemaah umrah'

KUALA LUMPUR - Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (Bumitra) berharap agar kerajaan memberikan kuarantin secara percuma kepada jemaah umrah yang tidak berkemampuan.

Presidennya, Harun Kc Ahmmu berkata, ini kerana bermula Isnin, kerajaan telah mewajibkan jemaah umrah dikuarantin di tempat yang ditetapkan dengan kos sekitar RM250 hingga RM355 sehari.

Selain itu, beliau mencadangkan agar kos kuarantin bagi jemaah yang berkemampuan dikembalikan kepada harga asal iaitu RM150.

"Kami harap KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan MOTAC



HARUN

(Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) memberikan kuarantin percuma dan beri pilihan kepada mereka yang mampu untuk menginap di hotel.

"Ini kerana bermula hari ini (Isnin), bagi jemaah umrah yang tiba pada jam 11 pagi, mereka diwajibkan kuarantin dan harga caj ini dinaikkan.

"Caj kuarantin dinaikkan kepada RM250 hingga RM355 sehari untuk seorang. Jadi kami memohon agar caj ini dikembalikan kepada RM150 sehari," katanya di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar berkaitan implikasi kerugian yang ditanggung oleh jemaah dan pengendali umrah akibat pe-

nannguhan sementara yang diumumkan KKM.

Selain itu, Harun mencadangkan agar koordinasi dan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dalam membantu ketibaan jemaah umrah diperbaiki dengan lebih baik.

Menurutnya, proses saringan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang dan pengendalian khusus jemaah umrah warga emas juga perlu ditambah baik bagi mengelakkan kesesakan di kaunter saringan.

"Selain itu, kami berharap agar kos kerugian yang ditanggung akibat penangguhan ini dipulangkan semula.

"Bumitra juga memohon agar kajian semula dibuat mengenai implikasi yang diterima oleh jemaah dan pengendali umrah," ujarnya.

Disebabkan mereka gagal bayar tuntutan kepada jemaah umrah

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

KUALA LUMPUR

Penannguhan sementara ibadah umrah mengakibatkan banyak pengendali ibadah itu terpaksa menutup semula operasi perniagaan kerana gagal membayar tuntutan kepada jemaah umrah.

Presiden Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (Bumitra), Harun Kc Ahmmu berkata, keputusan itu menjadikan syarikat berkaitan umrah berisiko untuk tidak mendapat pulangan tuntutan semula pembatalan atau penangguhan tiket penerbangan, tempahan hotel dan caj-visa umrah dari pihak muassasah Arab Saudi.

"Tiket penerbangan, bayaran hotel penginapan dan caj pembayaran visa umrah telah dibayar sebelum keberangkatan jemaah umrah ke tanah suci dan perlu ditanggung oleh pengendali," katanya di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar berkaitan implikasi kerugian yang ditanggung oleh jemaah dan pengendali umrah akibat penangguhan sementara yang diumumkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada Sabtu, kerajaan membuat keputusan menangguhkan sementara ibadah umrah bermula 8 Januari sehingga tarikh yang

akan dimaklumkan kelak.

Keputusan penangguhan itu bagi membantu mengurangkan risiko penularan Omicron dalam negara dan memperlahankan peningkatan kes Covid-19.

Harun bagaimanapun berkata, Bumitra sentiasa terbuka untuk berbincang dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan KKM dalam usaha memperkatakan prosedur operasi standard (SOP) dalam membendung penularan varian Omicron dalam kalangan jemaah umrah.

"Ia bertujuan memberi peluang dan harapan kepada jemaah umrah dan pengendali bagi mengelakkan kerugian lebih



Harun (dua dari kiri) pada sidang akhbar di Kuala Lumpur pada Isnin.

besar dari segi kewangan yang perlu ditanggung dan tekanan emosi jemaah.

"Kami juga merayu MOTAC dan KKM menjalankan kajian

yang lebih terperinci demi kepentingan rakyat dalam usaha memberi peluang jemaah melakukan ibadah tersebut," katanya.

Tangguh umrah: Banyak pengendali tutup semula operasi

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : NASIONAL

Kes positif Covid-19 menurun kepada 2,690

PUTRAJAYA - Kes harian positif Covid-19 di negara ini terus menunjukkan penurunan dengan mencatatkan 2,690 kes pada Isnin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, terdapat 300 kes import melibatkan 278 rakyat tempatan dan 22 warga asing direkodkan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penularan dalam negara adalah 2,390 kes yang terdiri daripada 2,310 atau 96.2 peratus rakyat tempatan dan 73 orang warga asing.

"Sebanyak 52 kes daripada jumlah harian yang dilaporkan adalah kategori tiga hingga lima. Selebihnya, 2,638 atau 98.1 peratus adalah kategori satu dan dua. Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 adalah 2,767,044 kes," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, seramai 265 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 147 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Jumlah kes sembuh adalah 3,535 dengan kumulatifnya, 2,695,751 kes," kata beliau.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, kadar kebolehtangkitan di Kelantan dan Johor melepasi nilai R_t Kebangsaan iaitu 0.99 dengan masing-masing mencatatkan 1.0 dan 1.01 manakala negeri-negeri lain berada pada kadar antara 0.77 dan 0.99.

Dalam pada itu, beliau berkata, tiada kes baharu positif Covid-19 dilaporkan di 194 pusat pemindahan sementara (PPS).

"Jumlah keseluruhan kes positif di PPS adalah 15 kes," katanya.

Sementara itu, menerusi laman sesawang CovidNow, sebanyak 19 kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan KKM serentak tengah malam Ahad.

Menurut data yang dikemas kini pada jam 11.04 malam Ahad itu, empat daripadanya merupakan kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Selangor merekodkan kes kematian tertinggi iaitu lima kes diikuti Terengganu (empat), Johor (tiga) dan Sabah (dua).

Masing-masing satu kes kematian dicatatkan di Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

Jumlah kumulatif kes kematian adalah 31,532, yang mana 25,170 daripadanya merupakan kematian di hospital manakala BID sebanyak 6,362 kes.

Sebanyak 40,606 kes aktif di seluruh negara turut direkodkan dengan sebahagian besar daripadanya sedang menjalani kuarantin di rumah, 33,393 kes atau 82.2 peratus.

Seramai 3,460 pesakit Covid-19 dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) dan 3,469 kes pula ditempatkan di hospital.

Seramai 128 pesakit menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dan 156 lagi memerlukan bantuan pernafasan.

**MENDEPANI KRISIS
 COVID-19:
 APA TINDAKAN
 KITA?**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Perlu suntik vaksin sepanjang hayat?

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Rakyat Malaysia berkemungkinan besar perlu mengambil suntikan vaksin yang baharu setiap tahun meskipun telah disuntik dos penggalak kerana terdapat kebarangkalian munculnya varian baharu Covid-19 pada masa akan datang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar perubatan kesihatan awam Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Victor Hoe Chee Wai Abdullah berkata, sukar untuk menjangkakan berapa lama suntikan vaksin diperlukan, kerana Covid-19 terus bermutasi sehingga ke hari ini.

"Dos penggalak berkesan untuk menangani varian baharu Covid-19, tetapi kita tidak tahu berapa lama imunitinya dapat bertahan. Selepas dua tahun, kita ada vaksin baharu kerana masih ada lagi virus baharu Covid-19.

"Jadi seperti wabak influenza lain, vaksin mungkin perlu diambil setiap tahun sehinggalah Covid-19 berhenti bermutasi dan akhirnya mati. Setakat ini, kes tidaklah terlalu tinggi kerana ramai telah divaksin, mengikut prosedur operasi standard (SOP), tetapi berdasarkan senarainya, kemungkinan vaksin diperlukan setiap tahun kerana Covid-19 masih lagi ada," katanya.

Beliau mengulas persoalan kemungkinan perlunya pengambilan suntikan vaksin baharu selepas dos penggalak bagi menangani varian baharu



PETUGAS media di Perak, Zaki Salleh antara yang menerima dos penggalak vaksin Covid-19 di Ipoh, semalam. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

Covid-19.

Sementara itu, pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Malina Osman juga tidak menolak kemungkinan wujudnya dos vaksin keempat dan seterusnya berdasarkan pola jangkitan semasa.

"Setakat ini, kita mengambil suntikan vaksin dua kali dan dos penggalak yang mampu bertahan antara enam bulan hingga lima tahun, bergantung kepada antibodi yang melindungi jang-

kitan Covid-19.

"Sebelum ini, kita jangka apabila sudah divaksin lengkap, kes akan turun. Siapa sangka ada varian Omicron, sehingga negara seperti Singapura dan Israel perlukan dos ketiga.

"Sekarang, sudah ada ujian klinikal untuk vaksin dos keempat. Adakah akan ada vaksin ke-lima, keenam dan seterusnya? Ia bergantung kepada pola jangkitan semasa dan perkara ini perlu diteliti dalam tempoh dua ke empat minggu ini," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Sekat penularan sebelum mudarat lebih besar - Mufti

PUTRAJAYA: Keputusan kerajaan membuat penangguhan sementara kebenaran perjalanan umrah adalah untuk mengekang berlaku mudarat lebih besar di negara ini akibat penularan varian Omicron yang lebih dahsyat.

Jumlah jemaah umrah dike-
san positif Covid-19 merekodkan
1,306 kes atau 11.76 peratus dari-
pada keseluruhan 11,108 jemaah
berdasarkan data sehingga 30
Disember lalu iaitu sejak kum-
pulan pertama berlepas ke tanah
suci pada 13 Oktober.

Daripada 64 kes jangkitan
melibatkan varian Omicron pula,
32 kes atau 50 peratus daripada
jumlah itu dikesan dalam kalan-
gan jemaah umrah, malah terda-
pat sembilan kluster yang ber-
laku melibatkan jemaah umrah.

Bercakap kepada *Utusan Ma-
laysia*, Mufti Wilayah Perseku-
tuan, Datuk Dr. Luqman Abdul-
lah berkata, kerajaan terutama



DR. LUQMAN ABDULLAH

Kementerian Kesihatan sudah
menilai dari semua sudut sebe-
lum memutuskan perkara ini
dan paling utama adalah meli-
batkan keselamatan para jemaah
semasa berada di Mekah.

Beliau berkata, perkemba-

ngan di Arab Saudi sangat mem-
bimbangkan bukan sahaja ke-
pada individu, tetapi masyarakat
keseluruhannya.

"Kita tidak boleh melihat dari
segi sentimen pihak tertentu sa-
haja, tetapi menilai keseluruhan
masyarakat Islam itu yang perlu
jaga kepentingan nyawa dan ke-
sihatan pada masa sekarang.

"Jika berterusan dalam kead-
aan begini (tanpa mengambil
apa-apa tindakan), apabila ber-
laku mudarat lebih besar kita
tidak boleh ubah lagi keadaan
kerana penyebaran itu tidak
boleh dilihat kesannya seka-
rang," katanya di sini semalam.

Luqman berkata, tindakan
segera dan drastik adalah keu-
tamaan ketika ini dalam menge-
kang penularan virus supaya ne-
gara tidak lagi menerima risiko
seperti sebelum ini sehingga
mencetuskan gelombang baharu
pandemik.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

SLIGHT DROP FROM SUNDAY

2,690 NEW COVID-19 CASES REPORTED

Research institutes
log 172 Covid-19
Variant of Concern
cases within nine
days

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA logged in 2,690 new Covid-19 cases in the last 24 hours, a slight drop from Sunday's 2,882 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's cumulative cases now stood at 2,767,044.

On Sunday it was reported that four research institutes had identified 172 Covid-19 Variant of Concern (VOC) cases within the span of nine days, of which 170 were Delta (B.1.617.2) and two were Omicron (B.1.1529).

The studies on the Covid-19 spike protein mutation were conducted by the institutes from Dec 25 until Sunday, said Dr Noor Hisham.

The Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre, Integrative Pharmacogenomics Institute and University Kebangsaan Malaysia Medical Molecular Biology Institute had detected 107, 40 and 23 new Delta variant cases, respectively.

The Institute of Health and Community Medicine of University Malaysia Sarawak identified two new Omicron variant cases.

Dr Noor Hisham also shared data that showed Kelantan had the most Delta variant cases with 60, followed by Perak (41), Penang (34), Johor (13), Negeri Sembilan



People lining up to receive the Covid-19 booster dose at the Perak Community Specialist Hospital vaccination centre yesterday. BERNAMA PIC

(six), Pahang (five), Melaka (five), Terengganu (three), Kedah (three) while the two Omicron cases were in Sarawak.

"The cumulative cases categorised as VOC and Variant of Interest (VOI) are 5,480 cases. Of the number, 5,460 are VOC while 20 are VOI.

"Under the VOC category, there are 5,149 Delta variant cases, 233 Beta, 14 Alpha and 64 Omicron.

"As for VOI cases, 13 are Theta, four Kappa and three Eta."

On vaccination, Dr Noor Hisham was reported to have said that two doses of Sinovac followed by a booster Pfizer-BioN-

Tech jab proved to be highly effective against Covid-19 and at preventing symptomatic disease, hospitalisation and Intensive Care Unit (ICU) admission.

He said existing data showed that the Sinovac (CoronaVac)-Pfizer (Comirnaty) mix offered longer-term protection against severe cases of Covid-19.

He advised eligible recipients, especially those who had received Sinovac as their primary vaccine, to get booster doses as its effectiveness would start to wane after a few months.

"Data showed a mix of Sinovac and a Pfizer booster is much better

in efficacy (as seen in Sarawak).

"Vaccines work. Look at last year in July and August, for instance, when vaccination coverage in the Klang Valley was low.

"Our hospital admissions and ICU utilisation were in mayhem. Now, health facilities are faring much better," he told the *New Straits Times* on Sunday.

Sarawak, where the majority of the population received Sinovac as the primary vaccine, was the first state to implement booster doses and additional doses starting from Oct 13.

The state has the most number of booster shot recipients in the

country to date, the majority of whom received Pfizer's Comirnaty as the third/booster jab.

According to data from the Health Ministry's CovidNow portal, Sarawak recorded an average of 500 daily admissions to hospitals on Aug 31 last year (seven-day average) and peaked at 611 on Sept 12. The figure dropped to a mere 54 admissions on Jan 1 (seven-day average).

Meanwhile, active ICU admissions stood at 119 (seven-day average) on Sept 28 and declined to eight (seven-day average) on Jan 1.

According to a Chilean study, efficacy in preventing SARS-CoV-2 infection among Sinovac recipients stood at 93.18 per cent for a third dose with Pfizer, 90.53 per cent for AstraZeneca, and 70.89 per cent for Sinovac.

Dr Noor Hisham also said at present, there was no change in the Health Ministry's policy and Clinical Guidelines on Covid-19 vaccination in Malaysia with regards to the number of vaccine boosters required.

"At the moment, it's status quo. We are getting more data on the response of vaccination. Our expert panels are reviewing all the data. Let our panel of experts do what needs to be done first before providing any recommendation based on facts and data."

Health Minister Khairy Jamaluddin on Jan 1 said the ministry's technical committee was studying the need for a possible fourth dose for those who received Sinovac as their primary vaccine to ensure recipients achieved the protective levels needed against the more transmissible Omicron variant.

Up to Jan 1, 25,616,109 individuals in Malaysia have been fully vaccinated and 6,329,155 had received their booster shots.

IN STAGES OVER THREE DAYS

60 Perak newsmen to get booster shots at PCSH

IPOH: About 60 media practitioners from 13 agencies in Perak are scheduled to receive their Covid-19 vaccine booster shot at the Perak Community Specialist Hospital (PCSH) vaccination centre (PPV) here.

PCSH chief executive officer Nicholas Chan said the booster shots would be administered in stages over three days from yesterday.

"Among the media agencies in-

involved are NSTP, *Bernama*, *Utusan Malaysia*, *The Star*, *Sinar Harian*, *Suara Perak*, RTM, TV3, Malay Mail, Astro Awani and Al Hijrah," he said when met by reporters here yesterday.

Nicholas said the hospital has been receiving about 400 people daily for Covid-19 booster shots.

He said most of those who came for the booster shots comprised individuals in their 40's.

"The hospital has been getting very encouraging response from the people ever since the Health Ministry announced that there was no need to wait after six months for the booster shot as the Omicron variant is quite worrying now."

He said the hospital had dispensed vaccine shots to 40,300 recipients, including the booster shot, since the PPV began operation in May 31 last year. *Bernama*



Free Malaysia Today reporter Saarani Ismail receiving the Covid-19 booster dose at the Perak Community Specialist Hospital vaccination centre yesterday. BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Torn over vaccine requirement

While some parents agree to jab their kids, others worry over possible side effects

By **ASHLEY TANG**
 ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: Parents remain divided on whether to allow their young children aged three to 11 to be vaccinated against Covid-19 as some are concerned about the effects.

Dzuria Azmi said she will follow the government's directive if it requires her nine-year-old son to be vaccinated.

"We may not have a choice as there will be restrictions if you are not vaccinated, and it could be very troublesome for us."

"It's not as if I can leave my son at home and not take him out at all," the 43-year-old senior executive said.

Dzuria added that one of her friends had been reluctant to have her child vaccinated but had to give in when the child was unable to attend school due to their

unvaccinated status.

Kirpal Singh, 45, said he has no qualms about vaccinating his two children aged seven and 10 but would prefer to have the option of getting a non-mRNA vaccine like CoronaVac, produced by Sinovac.

The IT engineer said his two older children had taken Pfizer-BioNTech's Comirnaty, an mRNA vaccine.

"If there is no choice, we will take what we can get. Some protection is better than none at all," he said.

Jacky Sim, however, expressed hesitancy in allowing his four-year-old to be vaccinated.

"I am worried about possible side effects because of his young age. I will decline it until I know that it is truly safe for my kid," the 44-year-old clerk said.

A sales executive who only wanted to be known as Terry said that for now, she isn't keen to allow her five-year-old daughter to be jabbed

as she has concerns about potential side effects.

"I do not know what side effects there would be on my little girl, especially in the years to come. It is not an easy decision for parents. I am just going to observe the situation first," the 33-year-old said.

Sarawak Deputy Chief Minister Dr Sim Kui Hian has announced that Sarawak will begin vaccinating children aged three to 11 against Covid-19 from next month, and they will be given the Pfizer-BioNTech vaccine.

In October last year, Health Minister Khairy Jamaluddin said the government would procure Pfizer-BioNTech vaccines for children in the country as the US Food and Drug Administration (FDA) has recommended the vaccine for those aged five to 11.

Pfizer has said its vaccine for children is more than 90% effective in preventing asymptomatic infection.



Time for shots: People lining up to get their booster shot at a vaccination centre in Dewan Serbaguna MBSJ at Bandar Puchong. — FAIHAN GHANI/The Star

87.6% of adolescent population fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 2,756,810 people or 87.6% of the adolescent population among those aged between 12 and 17 in the country have completed their Covid-19 vaccination as of yesterday.

Based on the Health Ministry's CovidNow portal, a total of 2,848,312 individuals or 90.5% of the group have received at least one dose of the vaccine.

For the adult population, a total of 22,860,910 individuals or 97.7% of them have completed the vaccination while 23,152,917 individuals or 98.9% have received at least one dose of the vaccine.

Meanwhile, a total of 94,040 doses of the vaccine were dis-

pensed on Sunday, with 1,264 of them as first dose, 1,340 second dose and 91,436 booster dose, Bernama reported.

This brings the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK) as of Sunday to 57,841,435, including 6,422,084 in booster doses.

In a related development, the Health Ministry's GitHub portal reported 19 deaths yesterday, with five of them in Selangor, followed by Terengganu (four), Johor (three), Sabah (two) and one each in Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan, Melaka and Negri Sembilan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

DG: Spike in workplace cluster

Last week of 2021 sees an increase of 125%

PUTRAJAYA: The number of workplace clusters saw a 125% increase during the last week of 2021, with 18 clusters reported, according to the Health Ministry.

During the epidemiological week 51 between Dec 19 and 25, eight workplace clusters were reported.

Overall, a total of 32 new clusters were reported for epidemiological week 52, of which 58% involved workplaces.

The rest were community clusters (five), imported (four), educational institutions (two) and one cluster each involving a high risk group, religious activity and detention centre.

Health director-general Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah said the increase in imported clusters between week 51 and 52 were also significant – from one to four.

"The upward trend in workplace clusters shows that the compliance rate for standard operating procedure (SOP) is still low.

"This should not be the case as the public should be more aware of the importance of SOP in breaking the Covid-19 chain of infections," he said in a statement yesterday.

He said the number of infections during epidemiological week 52 saw an increase of 2.3% with 23,071 new cases recorded, pointing out that the country had earlier seen five weeks of decline in Covid-19 cases.

Between Dec 26 and Jan 1, the infectivity rate or R-nought (R0) in Malaysia was 0.99.

Dr. Noor Hisham said one Covid-19 case was reported among flood victims yesterday, bringing the number of those infected to 461.

The number of recoveries again outpaced

new cases, with 3,535 people recovering from Covid-19 while new infections stood at 2,690 cases.

There were 300 imported cases of which 278 involved Malaysians.

Three new clusters were reported, but none involved flood evacuation centres. There are currently 206 active clusters.

Meanwhile in Kota Kinabalu, a new Covid-19 cluster triggered by a hotel employee in Sabah's popular tourist hotspot on the foothills of Mount Kinabalu in Kundasang has recorded 40 cases so far.

Sabah Covid-19 spokesman Datuk Seri Masidi Manjun said the index case for the cluster, dubbed "Jalan Kem Bina", involved a worker at a hotel in Kundasang who tested positive during symptomatic screening.

The close contact tracing detected another 39 people infected with the virus.

However, Masidi said Sabah's new cases remained stable with 161 infections recorded yesterday, four cases lower than the 165 reported on Sunday.

He said 11 districts recorded single digit new cases and 10 others no new cases.